

Satu Tinjauan Ringkas Mengenai Fungsi-Fungsi Sosial Sekolah

Koh Tsu Koon
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
Universiti Sains Malaysia

The effects of education on society are studied in a concise manner by using the concept of "social functions". Six main functions are identified and described: transmission and creation of knowledge and skills, the socialization process as the maintenance and transmission of culture, socialization for social cohesion and national integration, social control, selection, and social change. A number of important educational issues — with particular reference to Malaysia wherever applicable — are then analysed by considering the "interactions" and "contradictions" among certain functions. A departure from conventional functionalism, this approach gives a more interesting and fruitful insight into the nature of educational issues such as: the relevance of knowledge and skills; value conflict as exemplified in problems related to the modern science curriculum; negative effects of social control on social cohesion and democracy; discontentment and conflicts arising out of the selective function; and the conflict between the wish for cultural maintenance and the need for national integration in a plural society. The paper concludes by emphasizing the need to realize that educational system is very much influenced and constrained by the societal reality and hence to guard against unrealistic expectations of what can be achieved by school. However, this does not mean that education does not have far-reaching effects. The nature of the effects depends partly upon the efforts of educators and teachers.

Pengenalan

Pada amnya sekolah dan sistem pendidikan tidak boleh wujud secara tersendiri. Kedua-dua perkara tersebut tidak boleh dipisahkan dari konteks masyarakat. Hubungan di antara sistem pendidikan dan masyarakat merupakan satu proses dua hala dan saling berkaitan. Pada peringkat asasnya, ciri-ciri utama sistem pendidikan dalam sesuatu masyarakat dipengaruhi dan ditetapkan oleh sejarah perkembangan serta bentuk masyarakat itu. Sebaliknya, sistem pendidikan mendatangkan kesan-kesan yang tertentu, ia mempengaruhi dan membentuk perkembangan masyarakat.

Aspek yang pertama, iaitu pengaruh masyarakat ke atas sistem pendidikan, dapat dilihat dengan nyata dari sejarah perkembangan negara kita. Pengkajian aspek ini sangatlah menarik sebab ia menimbulkan penafsiran-penafsiran yang berlainan terhadap bukti-bukti sejarah. Lebih penting lagi, pengkajian sejarah perkembangan pendidikan akan membolehkan kita memahami sistem persekolahan yang wujud sekarang. Ini adalah mustahak bagi semua anggota perkhidmatan pendidikan, terutamanya guru-guru, supaya mereka dapat memahami serta memainkan peranan mereka dengan sewajarnya. Walaupun begitu ini bukanlah menjadi tumpuan artikel ini.

Teras perbincangan di sini ialah aspek yang kedua, iaitu pengaruh pendidikan ke atas individu dan masyarakat. Aspek ini dapat dianalisa secara ringkasnya dengan menggunakan konsep *fungsi sosial* pendidikan (the social functions of education).

Konsep *Fungsi Sosial*

Harus dijelaskan di sini bahawa istilah *fungsi sosial* sering merujuk kepada kesan-kesan sesuatu institusi dalam masyarakat yang membolehkan masyarakat yang berkenaan meneruskan keadaannya yang sedia ada (*status quo*) ataupun memperbaiki keadaan ini tanpa perubahan yang radikal sehingga masyarakat diubah bentuknya sama-sekali. Sebagai kiasan atau analogi, institusi-institusi dalam masyarakat — misalnya sistem kekeluargaan, sistem pendidikan, sistem pasaran, sistem ugama dan sebagainya — dianggap berfungsi seperti organ-organ tubuh badan, misalnya

jantung, otak, hati, paru-paru, sistem penghadaman dan sebagainya. Tiap-tiap satu organ tubuh badan ini mempunyai fungsi-fungsinya untuk memelihara kesihatan pada keseluruhannya. Sekiranya salah satu daripada organ-organ ini tidak berjalan dengan baik, kesihatan badan akan terjejas. Begitu juga kesan-kesan institusi sosial terhadap masyarakat.

Definasi serta kiasan tersebut adalah didasarkan kepada andaian bahawa keadaan yang sedia ada (*status quo*) dalam sesuatu masyarakat itu adalah baik dan harus dipelihara serta diteruskan. Oleh itu ada kecenderungan di kalangan ahli sains kemasyarakatan untuk mengkaji sesuatu institusi sosial dari sudut pandangan yang menganggap bahawa institusi yang berkenaan itu telah *berfungsi* (*functional*) sekiranya kesan-kesannya ialah memelihara dan meneruskan *status quo*. Andaian tersebut tidak semestinya betul. Ada kemungkinan keadaan *status quo* itu kurang sihat, misalnya dari segi kebajikan dan kemakmuran bagi rakyat jelata. Ada kemungkinan sesuatu institusi atau beberapa institusi bersama-sama akan memberikan kesan-kesan yang mengubahkan masyarakat ke arah yang lebih baik, dan dengan ini memusnahkan *status quo* yang wujud terdahulu daripada waktu itu. Mengikut definisi tadi, institusi-institusi ini tidak berfungsi (*not functional*) atau sudah *berfungsi buruk* (*dysfunctional*) suguhan kesan-kesannya boleh dikatakan baik. Inilah kelemahan fungsyenalisme atau pendekatan mengkaji sesuatu institusi sosial dalam masyarakat mengikut fungsi-fungi sosialnya. Di samping itu, pengkritik-pengkritik pendekatan ini menganggap penggunaan istilah *fungsi* ini kurang *neutral* oleh kerana ianya pro-*status quo*.¹

Untuk tujuan artikel ini, konsep *fungsi sosial* digunakan sebagai satu *tapak permulaan* untuk membincangkan kesan-kesan pendidikan ke atas masyarakat. Ini dibuat dengan penuh kesedaran terhadap kelemahan dan batasan pendekatan fungsyenalisme seperti yang diuraikan di atas. Namun begitu sebahagian daripada kelemahan ini diatasi dengan mengkaji bukan sahaja fungsi-fungi pendidikan yang *positif* – iaitu fungsi-fungi yang meneruskan *status quo* – tetapi juga fungsi-fungi *negatif* serta percanggahan di antara fungsi-fungi. Dengan cara begini beberapa aspek yang menarik akan timbul dan penganalisaan tidaklah terhad kepada rangka teoretis fungsyenalisme yang biasa atau conventional.² Dalam artikel ini akan dibuat rujukan ringkas terhadap keadaan di Malaysia khasnya dan negara-negara yang sedang membangun amnya dengan tujuan menjelaskan lagi hujah-hujah yang dikemukakan.

Fungsi-fungsi Sosial Sekolah yang Utama

Kalau dikaji secara objektif, akan didapati bahawa fungsi-fungi sosial sekolah sekurang-kurangnya boleh dibahagikan ke dalam enam kategori utama iaitu. (a) menyampaikan pengetahuan dan kemahiran; (b) meneruskan dan mengekalkan kebudayaan; (c) mengwujudkan perpaduan sosial; (d) melaksanakan kawalan sosial, (e) menjalankan tugas pemilihan dan (f) mendatangkan perubahan sosial. Pembahagian ini ialah untuk membantu penganalisaan kita. Sesungguhnya, dari segi praktiknya fungsi-fungi ini bersangkut-paut di antara satu dengan lain dan tidak dapat dipisah-pisahkan. Perhubungan ini akan menjadi semakin jelas apabila kita membincangkan bagaimana fungsi-fungi ini saling-melengkapi (bantu-membantu) ataupun bercanggah.

Fungsi sekolah yang pertama dan yang jelas sekali ialah sekolah menyampaikan pengetahuan serta kemahiran kepada generasi yang akan datang. Pada zaman yang lampau, kanak-kanak mempelajari pengetahuan serta kemahiran-kemahiran yang bersangkut-paut dengan pekerjaan dan penghidupan secara tidak formal dari ibu-bapa, ahli kaum keluarga, skim prantis pertukangan, ataupun agensi-agensi latihan yang lain.

Selaras Revolusi Perindustrian (di Eropah) pada abad ke-18, keluarga serta agensi-agensi tidak formal tidak sanggup lagi menjalankan tugas ini dengan berkesan dan memuaskan. Pengetahuan, terutamanya sains dan teknologi, telah berkembang dengan begitu pesat sehingga cara-cara pengeluaran tradisional telah menjadi kuno dan tidak efisien. Kilang-kilang dan firma-firma baru yang didirikan telah menggantikan ladang pertanian atau perusahaan keluarga sebagai tempat kerja bagi kebanyakan belia. Tidak berguna lagi bagi belia-belia mempelajari kemahiran-kemahiran yang kuno yang tidak akan digunakan di tempat kerja baru. Yang diperlukan ialah kemahiran yang lebih umum, iaitu membaca, menulis dan mengira. Maka sekolah pun muncullah sebagai satu institusi yang amat penting untuk fungsi sosial ini. Sekolah membolehkan lebih ramai kanak-kanak

mempelajari pengetahuan dan kemahiran dengan lebih berkesan, dan seterusnya melepaskan ibubapa untuk mencari rezeki.

Fungsi sekolah yang pertama meliputi juga proses mencipta pengetahuan baru. Pada amnya ini berlaku di institusi-institusi pelajaran tinggi serta institusi-institusi penyelidikan yang dianggap sebagai kemuncak sistem pendidikan. Proses reka-baru ini menghasilkan sains dan teknologi yang baru serta pengetahuan dalam bidang-bidang lain. Nyatalah fungsi ini memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan ekonomi dan selanjutnya kemajuan taraf hidup rakyat. Ini adalah berfaedah kepada masyarakat pada keseluruhannya.

Satu lagi fungsi sosial yang dijalankan oleh sekolah ialah menjamin unsur-unsur kebudayaan diperturunkan dari satu generasi ke generasi yang berikutnya. Sebenarnya, fungsi ini berkaitan dengan fungsi yang pertama, sekiranya kita mengambil definisi *kebudayaan* yang seluas-luasnya. Maka *kebudayaan* juga meliputi pengetahuan dan kemahiran untuk pekerjaan dan kehidupan sehari-hari.

Fungsi Pemasyarakatan

Fungsi meneruskan unsur-unsur kebudayaan dikenali juga sebagai fungsi pemasyarakatan atau sosialisasi. Mengikut ahli sosiologi, *Pemasyarakatan* ialah satu proses di mana kanak-kanak diajar nilai-nilai sosial serta norma-norma yang membimbing kelakuan dan sikap mereka supaya mereka dapat menjadi anggota yang sempurna dalam masyarakat. Pada zaman dahulu, fungsi pemasyarakatan ini dipikul hanya oleh keluarga sendiri, dengan dipengaruhi oleh institusi-institusi bukan-formal seperti kumpulan ugama, kumpulan rakan sekerja, dan sebagainya. Dengan munculnya sistem pendidikan formal, fungsi ini diberikan juga kepada sekolah. Guru-guru pun dipaksa memainkan peranan sebagai agen pemasyarakatan yang amat penting.³ Dengan ini tidak hairanlah kalau guru dianggap sebagai *ibubapa gantian* atau *surrogate parents*.

Fungsi sosial yang ketiga ialah sekolah memajukan perpaduan sosial. Ini dilaksanakan melalui dua saluran. Yang pertama, dengan meneruskan unsur-unsur kebudayaan yang asas dan sama kepada semua golongan sosial (tidak kira sama ada golongan kaya atau miskin, penduduk bandar atau desa). Yang kedua, dengan memberi kesempatan kepada kanak-kanak yang berasal dari lapisan sosial serta latar-belakang yang berlainan itu bercampur-gaul dan mengwujudkan tali persahabatan yang erat. Dalam ertikata yang luas kedua-dua ini merupakan proses *pemasyarakatan* juga.

Fungsi Perpaduan Sosial

Dengan fungsi perpaduan sosial ini, sekolah memainkan satu peranan yang amat penting untuk menjamin bahawa masyarakat itu wujud sebagai satu entiti. Sesebuah masyarakat mungkin akan berpecah-belah sekiranya golongan-golongan sosial di dalamnya tidak mempunyai sekurang-kurangnya satu teras nilai-nilai yang asas dan sama, seperti ketaatsetiaan terhadap masyarakat, perasaan penyatuhan (the feeling of oneness), dan sebagainya. Kejadian pecah-belah mungkin berlaku bukan sahaja dalam masyarakat yang majmuk, tetapi juga dalam masyarakat mono-etnik — iaitu masyarakat yang mempunyai hanya satu golongan bangsa sahaja. Maka pada praktiknya fungsi ini merupakan satu fungsi yang penting kepada masyarakat tetapi bukanlah fungsi yang senang dilaksanakan.

Kawalan Sosial

Fungsi yang keempat ialah kawalan sosial. Ia cuba menjamin bahawa masyarakat bergiat dalam satu corak yang teratur dan berdisiplin. Ini dapat dicapai dengan menyampaikan nilai-nilai tertentu yang mempengaruhi kelakuan kanak-kanak melalui kursus-kursus tatarakyat, amalan dan peraturan disiplin serta kegiatan-kegiatan luar-darjah seperti kegiatan pengakap dan sebagainya.

Boleh dikatakan bahawa fungsi kawalan sosial ini menyerupai fungsi perpaduan sosial yang baru dibincangkan tadi. Namun begitu, terdapat juga perbezaannya. Perpaduan sosial merujuk kepada keadaan dalam masyarakat yang benar-benar bersatu-padu dan yang dapat bergerak secara natural dan spontan sebagai satu unit. Di sebaliknya, kawalan sosial mempunyai maksud arahan atau paksaan dari atas. Kawalan sosial melalui pendidikan wujud di merata-rata negara termasuk juga negara-negara demokratik di mana penduduknya diberi kebebasan tetapi bukan kebebasan

yang melampau sehingga melahirkan *anarkisme*, iaitu faham politik yang menafikan pentingnya pemerintahan dan undang-undang. Jikalau tiap-tiap orang boleh melakukan apa saja mengikut kehendak hatinya, maka kacau bilau akan wujud. Oleh itu haruslah diwujudkan kawalan sosial supaya kebebasan ada hadnya dan hak manusia juga diseimbangkan dengan tanggungjawabnya.

Pemilihan dan Mobiliti

Seperti yang disedari oleh hampir-hampir semua orang, sekolah berfungsi sebagai agen pemilihan (selection). Melalui pencapaian peperiksaan umum seperti Sijil Rendah Pelajaran (SRP), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan (STP), pelajar-pelajar akan dipilih untuk peringkat pelajaran yang lebih tinggi. Lebih penting lagi, sistem pelajaran menganugerahkan sijil-sijil, diploma-diploma atau ijazah-ijazah yang nantinya boleh menempatkan orang ke dalam jawatan dan status yang berlainan dengan ganjaran yang berhiraki. Proses pemilihan ini sangatlah jelas dalam perjawatan awam, termasuk perguruan, di mana didapati peringkat gaji yang ditentukan adalah mengikut kelayakan akademik.

Bagi seseorang individu, susunan ini menawarkan peluang untuk mobiliti sosial. Ini bermakna bahawa melalui pendidikan, seseorang pelajar yang berasal dari golongan bawahan – misalnya latarbelakang petani, nelayan atau buruh – dapat peluang mengubah dan memperbaiki kedudukan ekonomi serta status sosialnya. Melalui persijilan, ia akan menjadi seorang kerani, pegawai syarikat swasta atau kerajaan, jurutera atau doktor dan sebagainya. Ia akan mendapat gaji yang lebih lumayan dan menikmati kehidupan yang lebih senang kalau dibandingkan dengan ibubapanya. Inilah ganjaran kepada ketekunan dan kerajinan. Maka harapan seperti inilah yang menjadikan sistem pendidikan itu satu medan persaingan di mana pemuda-pemudi berlumba-lumba untuk menjamin masa hadapan yang lebih cemerlang.

Perubahan Sosial

Akhirnya, sistem pendidikan memainkan peranan sebagai agen perubahan sosial, iaitu perubahan masyarakat. Fungsi keenam ini boleh difahami dari beberapa sudut. Salah satu aspek ialah sistem pendidikan memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi, seperti yang dihu-raikan tadi berkenaan dengan fungsi sekolah yang pertama. Dengan bertambah pesatnya perkembangan ekonomi akibat dari teknologi dan bentuk pengeluaran yang baru, berlakulah perubahan yang besar dalam masyarakat dari segi corak penggunaan (consumption pattern), gaya hidup, serta nilai-nilai sosial dan moral yang baru. Maka satu fungsi sosial sekolah ialah menyampaikan nilai-nilai dan sikap-sikap yang baru ini kepada generasi muda. Dengan itu, mereka dapat menghadapi cabaran-cabarank yang berlainan dan menyesuaikan diri dengan keadaan-keadaan yang kian berubah.

Dalam situasi yang kian berubah ini, yang menjadi penting dalam pendidikan bukanlah hanya pembelajaran pengetahuan yang tetap dan sedia ada, tetapi juga pembelajaran proses bagaimana seseorang itu boleh belajar apa saja yang baru dengan berkesan – *learning how to learn*. Ini bermakna bahawa, selain daripada pengetahuan am dan kemahiran-kemahiran yang spesifik, seorang pelajar mesti dididik cara-cara untuk berfikiran kritis dan analitik serta sikap terbuka. Pendekatan seperti ini telah menjadi teras bagi kurikulum baru – seperti sains moden, ilmu hisab moden, dan sebagainya – di mana proses tinjauan-sasat (inquiry) ditegaskan.

Selain daripada itu, perubahan sosial akibat dari pendidikan boleh juga dipandang dari segi mobiliti sosial. Sekiranya mobiliti sosial melalui pendidikan dicapai oleh orang dari satu golongan sosial secara beramai-ramai, maka bukan sahaja gaya hidup mereka akan berubah tetapi juga bentuk masyarakat pada amnya berubah. Ini ialah kerana bilangan golongan bawahan akan menjadi kurang, manakala bilangan golongan pertengahan akan bertambah. Bentuk masyarakat lama kelamaan akan berubah dari bentuk piramid ke bentuk gasing. Proses ini dianggap sebagai satu sumbangan kepada kesetabilan masyarakat.

Percanggahan di antara Fungsi-fungsi

Perbincangan di atas seolah-olah memberi satu gambaran yang pendidikan itu hanya mempunyai fungsi-fungsi yang positif. Ini tidak betul. Pendidikan sebenarnya juga berkemungkinan

membawa kesan atau fungsi yang negatif. Fungsi-fungsi negatif ini selalunya bersangkut-paut dengan fungsi-fungsi positif yang dihuraikan di atas dan merupakan the other side of the coin, iaitu sesuatu yang lahir dari punca yang sama tetapi mempunyai kesan yang berlawanan. Ini berlaku kerana kadang-kadang satu fungsi yang mendarangkan kesan positif bagi se golongan orang mungkin akan menimbulkan masalah bagi golongan yang lain, ataupun, satu fungsi yang positif dalam sesuatu kedudukan sosial mungkin mempunyai kesan negatif dalam kedudukan sosial yang lain atau yang telah berubah.

Di samping itu, kalau dikaji dengan lebih teliti lagi, akan didapati bahawa fungsi-fungsi pendidikan selalu bercanggah di antara satu sama lain oleh kerana sebab-sebab tertentu. Percanggahan seperti ini kadang-kadang berpunca dari kesan negatif sesuatu aspek yang berlawanan dengan, ataupun meniadakan sama sekali, kesan positif satu aspek yang lain. Percanggahan juga mungkin berlaku oleh kerana kedudukan sesuatu masyarakat itu penuh dengan percanggahan yang asas dari segi ekonomi, sosial atau politik – dua fungsi yang tiap-tiap satunya secara berasingan mungkin mempunyai kesan yang positif dalam sesuatu masyarakat. Namun begitu kedua-duanya mungkin bercanggah apabila berfungsi bersama-sama dalam satu interaksi.

Kenyataan-kenyataan di atas mengenai kesan negatif pendidikan serta percanggahan di antara fungsi-fungsi pendidikan akan menjadi lebih jelas apabila kita membincangkan beberapa aspek yang spesifik.

Pengetahuan yang Kurang Sesuai

Kita ambil fungsi yang pertama (iaitu menyampaikan pengetahuan dan kemahiran) sebagai isu yang pertama. Kesimpulan kita tadi mengenai fungsi sekolah menyampaikan pengetahuan dan selanjutnya memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi sebenarnya berdasarkan satu andaian. Kita mengandaikan bahawa pengetahuan yang disampaikan melalui sekolah ataupun teknologi yang direka oleh institusi tinggi itu kesemuanya adalah relevan dan bermunafaat kepada kemajuan individu dan masyarakat. Andaian ini tidak semestinya benar.

Satu kritik yang tajam terhadap kurikulum sekolah yang ada bukan sahaja di negara kita tetapi juga di negara-negara maju ialah apa yang diajar di sekolah sangat berorientasikan pengetahuan akademik. Ini mempunyai beberapa kesan kepada individu dan juga ekonomi negara. Kurikulum seperti ini hanya sesuai untuk menyediakan se golongan kecil dari murid-murid untuk melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi. Sesungguhnya ia tidak mendidik kebanyakan murid-murid yang tidak berpeluang menjelaskan kaki mereka di kampus universiti supaya mereka dapat disediakan untuk menghadapi cabaran-cabaran dalam kehidupan. Bidang-bidang matapelajaran yang berfaedah seperti pendidikan moral, pendidikan pengguna, pengajian masyarakat, dan sebagainya, tidak ditegaskan atau telah diketepikan sama sekali.⁴

Di bidang ekonomi pula, telah ditimbulkan soalan tentang sama ada pengetahuan dan teknologi yang disampaikan dan direka melalui pendidikan formal, khasnya di peringkat tinggi, sesuai atau tidak bagi keadaan sosio-ekonomi negara-negara yang sedang membangun seperti Malaysia. Teknologi baru dianggap terlalu bercorak Barat sehingga bercanggah dengan corak penge luaran dan gaya hidup yang sedia ada. Ini mendarangkan masalah sosial dan ekonomi.⁵ Sebenarnya isu ini bersangkut-paut dengan isu percanggahan antara fungsi perubahan sosial dan fungsi penerusan kebudayaan tradisional yang harus kita bincangkan sekarang.

Nilai Lama atau Nilai Baru

Sekolah selalu terjebak di dalam satu keadaan serba-salah. Di satu pihak ia diberi tugas untuk menurunkan nilai-nilai kebudayaan yang lama. Di pihak yang lain, ia juga diberi peranan menyampaikan nilai-nilai yang baru dan bersesuaian dengan keadaan sosio-ekonomi yang cepat berubah akibat dari perkembangan ekonomi yang pesat. Ada di antara nilai-nilai yang baru ini yang akan bercanggah dengan nilai-nilai tradisional. Maka apakah yang harus ditinggalkan dan apakah yang patut dianjurkan serta dimajukan oleh sekolah untuk generasi muda?

Keadaan serba-salah ini dapat dijelaskan dengan merujuk kepada satu keadaan yang sering dihadapi oleh guru-guru di peringkat sekolah. Guru-guru sekarang ini, terutamanya guru-guru

sains dan matematik, diharapkan mengajar kaedah tinjauan sosial dan rekabaru kepada murid-murid. Kaedah ini mengajar murid-murid jangan menerima dengan begitu sahaja apa yang diajar oleh guru dan jangan mempelajari secara hafalan. Murid-murid digalakkan supaya berani mempersoalkan fakta-fakta yang diberi, bahkan diberi kebebasan menentang guru secara langsung, supaya dapat mengwujudkan semangat tinjauan sosial yang sebenarnya.

Dalam kebudayaan tradisional kita, kanak-kanak telah dididik sejak kecil supaya menghormati orang dewasa dengan menurut arahan secara pasif. Mempersoalkan arahan orang dewasa dianggap sebagai sesuatu kelakuan yang kurang sopan. Jadi proses pemasyarakatan seperti ini, yang berlaku di peringkat awal dalam perkembangan kanak-kanak, akan mengurangkan inisiatif murid-murid berani meninjau sosial bukan sahaja di rumah tetapi juga di sekolah. Hal inilah yang dianggap oleh pendidik-pendidik sebagai satu sebab mengapa kaedah moden dalam bidang sains dan matematik tidak begitu berjaya dilaksanakan di sekolah-sekolah kita, sungguhpun ia digalakkan dengan penuh minat oleh pendidik-pendidik serta pihak kementerian. Begitu juga keadaannya di Britain sendiri — tempat asal kaedah-kaedah baru ini.⁶

Sebaliknya, sekiranya kita berjaya menanamkan semangat tinjauan sosial yang aktif di kalangan pemuda-pemudi kita, keadaan ini mungkin menimbulkan masalah. Kalau tidak terkawal, pemuda-pemudi kita mungkin menjadi terlalu berani sehingga *tidak bersopan*, seperti yang telah berlaku di kalangan pemuda-pemudi Dunia Barat. Ibubapa dan terutamanya orang-orang tua akan berasa bimbang terhadap kemungkinan ini dan mungkin menyalahkan sekolah. Adakah kita sebagai guru boleh mencapai satu perseimbangan dalam hal ini? Bolehkah satu jalan tengah dicari supaya jangan menjadi melampau?⁷ Pada teoretisnya ada kemungkinan, tetapi untuk melaksanakannya bukanlah sesuatu yang senang.

Kesan-kesan Negatif dari Kawalan Sosial

Di atas tadi, kita mengakui bahawa fungsi kawalan sosial yang dimainkan oleh sistem pendidikan mempunyai kesan yang positif, iaitu mengwujudkan masyarakat yang teratur dan berdisiplin. Walaupun begitu, fungsi ini mungkin menjadi negatif dalam keadaan tertentu. Sebenarnya, kalau dibandingkan dengan fungsi pemasyarakatan ataupun perpaduan sosial, kawalan sosial ini mempunyai maksud paksaan dan lebih bergantung kepada kehendak-kehendak pemerintah untuk kepentingan mereka.

Oleh kerana itu, corak sosial yang *teratur* dan *berdisiplin* melalui kawalan sosial tidak semestinya mandatangkan perpaduan sosial yang sebenarnya. Misalnya pada zaman penjajahan di Malaya, kawalan sosial dijalankan dengan cara *memecah dan memerintah* melalui sistem pelajaran serta sistem sosio-ekonomi. Kita semua menyedari betapa berkesannya kawalan sosial tanpa perpaduan yang dilaksanakan itu dan betapa berkesannya pendidikan yang digunakan sebagai satu alat untuk menjalankan kawalan secara *memecah dan memerintah*.⁸ Di sini, tergambarlah dengan jelasnya bahawa fungsi kawalan sosial mungkin bercanggah dengan fungsi perpaduan sosial.

Kawalan sosial melalui pendidikan juga bermaksud bahawa sekolah hanya menyampaikan pengetahuan serta nilai-nilai yang *diingini* oleh pihak pemerintah. Segala-gala yang *tidak diingini* — iaitu yang dianggap tidak sesuai oleh pihak berkuasa, yang mungkin mengancam kedudukannya — akan ditegah. Keadaan seperti ini wujud di merata-rata tempat, sungguhpun ia lebih jelas diamalkan oleh negara-negara totalitari dan pada amnya tidak begitu kuat diamalkan oleh negara-negara yang demokratik. Kawalan seperti ini terus mempengaruhi kurikulum serta proses pengajaran-pembelajaran dalam sekolah.⁹ Kawalan yang terlalu ketat akan menyekat usaha tinjauan sosial yang dijalankan oleh golongan inteligensia atau cendekiawan sesebuah negara dalam segala bidang, terutamanya sains kemasyarakatan dan ilmu-ilmu kemanusiaan. Ini sudah tentu bertentangan dengan fungsi yang pertama, iaitu mencipta pengetahuan yang baru.

Dalam keadaan yang ideal, sebuah negara demokratik yang benar-benar mengutamakan kepentingan rakyat, kawalan sosial melalui pendidikan pada amnya merupakan garis-panduan sahaja. Pendirian ini menggalakkan rakyat menjadi matang, berdikari, bertanggungjawab serta tidak menyeleweng ataupun melampau. Sebaliknya, di negara-negara di bawah pemerintahan diktator, kawalan sosial sangatlah ketat sehingga faham politik yang tidak disukai oleh pihak pemerintah atau pendapat yang merupakan kritikan terhadap pihak pemerintah bukan sahaja tidak dibenar-

kan langsung diajarkan atau dibincangkan di sekolah bahkan juga di institusi pelajaran tinggi. Fungsi kawalan sosial seperti ini boleh dikatakan sepadan dengan proses *pemasyarakatan paksaan* (forced socialization) atau brain-washing. Ini sudah tentunya bertentangan dengan fungsi perubahan sosial yang akan cuba menggalakkan semangat tinjauasiasat dan rekabaru.

Pertentangan yang Timbul dari Pemilihan

Sebagai isu yang keempat, kita meneliti kesan-kesan negatif yang mungkin timbul dari fungsi pemilihan yang dijalankan oleh sistem pendidikan. Melalui fungsi pemilihan, memang ada orang yang berjaya mencapai mobiliti sosial dan ada pula yang gagal. Kegagalan ini disebabkan oleh dua faktor utama. Yang pertamanya, terdapat ramai orang yang berasal dari persekitaran sosio-ekonomi yang tersekat, yang serba kekurangan. Ini menyebabkan mereka ini tidak berkeupayaan menyamai orang lain yang lebih beruntung di dalam persaingan mencapai mobiliti sosial.¹⁰ Maka itu timbulah satu keadaan yang tidak seimbang, iaitu orang yang tersekat itu akan merasa tidak puas-hati. Faktor yang kedua muncul apabila struktur peluang dalam sistem pendidikan dan juga dalam sesuatu masyarakat itu terhad ataupun tidak berkembang dengan bagitu cepat untuk menyerapi bilangan orang yang kian bertambah yang mempunyai hasrat serta kebolehan untuk mencapai mobiliti sosial. Dengan lain perkataan, bilangan orang yang berhasrat atau berkelayakan semakin jauh melebihi bilangan tempat kosong mungkin akan merasa kecewa juga. Sekiranya tindakan-tindakan yang positif tidak diambil untuk membantu yang tersekat dengan saksama serta memperluaskan struktur peluang untuk semua, maka perasaan-perasaan kecewa dan tidak puas itu mungkin akan terus merebak. Di sini terdapat satu kemungkinan di mana fungsi pemilihan beranggah dengan fungsi perpaduan sosial.

Persaingan yang hebat juga mempunyai kesan-kesan yang negatif dari sudut yang lain. Oleh kerana persaingan ini, sistem pendidikan sudah menjadi sangat berorientasikan peperiksaan. Murid-murid belajar dan disuruh belajar untuk peperiksaan dan bukan untuk mendapat pengetahuan dalam ertikata yang sebenarnya. Apa yang ditegaskan ialah keputusan peperiksaan, persijilan serta ganjaran yang datang dengannya bagi mereka yang berjaya. Satu soalan yang penting yang kurang ditegaskan atau yang diabaikan sama sekali ialah: samada dan bagaimana pengetahuan serta kemahiran yang dipelajari itu boleh memberi sumbangan kepada masyarakat. Bersangkutan dengan ini ialah satu sikap yang mengutamakan kepentingan individu dan bukan kepentingan masyarakat. Persoalan ini merupakan konflik di antara akibat fungsi pemilihan dengan fungsi penyampaian pengetahuan serta perkembangan masyarakat.

Pemasyarakatan untuk Kebudayaan atau Perpaduan

Akhirnya kita boleh mengkaji satu isu yang meliputi dua fungsi pendidikan, terutamanya dalam konteks masyarakat majmuk atau berbilang kaum. Dua fungsi ini ialah fungsi meneruskan dan mengekalkan kebudayaan serta fungsinya sebagai agen mengwujudkan perpaduan sosial. Seperti yang telah kita bincangkan tadi, kedua-dua fungsi tersebut adalah bersangkut-paut dengan proses *pemasyarakatan*.

Seperti yang kita sedari kaum-kaum yang berada dalam sebuah masyarakat majmuk selalu kurang bercampur-gaul di antara satu sama lain oleh kerana perkembangan sejarah (misalnya dasar *memecah dan memerintah* oleh penjajah) serta perbezaan dari segi bahasa, kebudayaan, ugama, pekerjaan dan sebagainya: sebab itulah selalu timbul masalah salahfaham dan prasangka, ataupun perasaan perkauman serta permusuhan. Dengan ini, orang dari kaum yang berlainan akan merasai lebih enggan lagi bergaul sesama sendiri hingga akan terus memerosotkan keadaan. Ini bukanlah sesuatu yang diingini.

Dalam konteks seperti ini, pendidik-pendidik yang menyedari pengaruh sekolah ke atas proses pemasyarakatan kanak-kanak tentulah mengharapkan sekolah memainkan satu peranan yang besar dalam memajukan persefahaman dan perpaduan di antara kaum. Ini berdasarkan satu hakikat bahawa selalunya kanak-kanak dari mana-mana kaum pun tidak mempunyai apa-apa perasaan perkauman pada umur awal sebelum mereka banyak dipengaruhi oleh orang-orang dewasa dan unsur-unsur yang kurang sihat. Sekiranya kanak-kanak dari pelbagai kaum diberi peluang ber-

campur gaul dari awal lagi, maka dapatlah peluang untuk mengwujudkan tali persahabatan yang erat serta persefahaman yang mendalam. Ini bermaksud bahawa dari mulanya mereka harus di-tempatkan di dalam sekolah yang sama di mana mereka dapat belajar dan bermain bersama-sama. Sekolah berbilang kaum seperti ini sewajarnya memerlukan bahasa perantaraan yang sama untuk komunikasi. Ia juga akan menyampaikan satu teras nilai-nilai yang asas dan sama, seperti yang dibincangkan tadi.

Sungguhpun begitu, tiap-tiap kaum dalam masyarakat majmuk lazimnya mempunyai hasrat bahawa unsur-unsur kebudayaan mereka (termasuk bahasa, ugama, dsb.) masing-masing dapat dipelihara dan diperturunkan dengan sepenuhnya melalui sistem pendidikan. Maka timbulah keperluan untuk menubuhkan satu sistem pelajaran dalam bahasa ibunda masing-masing supaya fungsi kebudayaan ini dapat dijalankan dengan sempurnanya. Hasrat ini dianggap sebagai satu hak asasi yang harus diperlindungi dalam sebuah negara demokratik.

Sekiranya fungsi kebudayaan ditegaskan, kanak-kanak dari kaum yang berlainan akan di-tempatkan di dalam sekolah-sekolah yang berasingan mengikut bahasa ibunda masing-masing. Mereka tidak akan mempunyai peluang untuk bergaul. Ini bermaksud sekolah tidak dapat menjalankan tugasnya sebagai agen perpaduan *di antara* kaum, sungguhpun fungsinya untuk mengukuhkan perpaduan *dalam* sesuatu kaum mungkin dapat dilaksanakan dengan lebih memuaskan. Sebaliknya, kalau fungsi perpaduan diutamakan, sudah jelas bahawa satu bahasa harus dipilih untuk menjadi bahasa perantaraan dan oleh itu digunakan sebagai bahasa pengantar yang utama. Lazimnya langkah ini akan menimbulkan masalah bagi kanak-kanak yang berasal dari komuniti yang bahasanya bukanlah bahasa yang terpilih, sekurang-kurangnya pada peringkat awal. Hal yang lebih serius lagi ialah ibubapa akan menganggap bahawa langkah ini tidak menjamin bahasa dan kebudayaan mereka sendiri dapat diperturunkan kepada anak-anak mereka, seperti yang mereka harapkan.

Oleh kerana itu, persoalan yang dihadapi oleh masyarakat majmuk ialah bagaimana boleh diwujudkan satu sistem pendidikan yang dapat menjalankan kedua-dua fungsi tersebut bersama-sama dengan berkesan. Ini merupakan salah satu isu yang hebat diperdebatkan dalam bidang pendidikan di Malaysia sejak tahun limapuluhan.¹¹ Dasar dan sistem pendidikan yang diamalkan sejak kemerdekaan merupakan satu usaha untuk mendapat penyelesaian secara kompromi. Sama ada sistem kita telah berjaya dalam tugasnya memenuhi kedua-dua fungsi sekaligus atau tidak masih menjadi tajuk perbahasan dalam masyarakat kita. Begitu juga keadaannya di negara-negara majmuk yang lain. Ini menunjukkan betapa seriusnya percanggahan antara kedua-dua fungsi tersebut.

Kesimpulan: Potensi dan Pembatasan Sekolah

Beberapa kesimpulan boleh dirumuskan dari perbincangan teoretis di atas. Pertamanya, konsep *fungsi sosial* ini sangat berguna untuk menganalisa perhubungan di antara pendidikan dengan masyarakat. Penganalisaan yang objektif serta menarik dapat dihasilkan terutamanya kalau kita memperbandingkan fungsi-fungsi ini dengan mengkaji kesan-kesan negatif masing-masing serta percanggahan di antara mereka. Di sini perlu dijelaskan bahawa perbincangan dalam artikel ini adalah pada peringkat pendahuluan dan sederhana sahaja, yang bertujuan untuk memberi satu rangka analisa. Ia tidak memberi penyelesaian yang memuaskan kepada isu-isu yang telah ditimbulkan. Analisa yang lebih mendalam diperlukan untuk memahami isu-isu yang berkaitan.

Keduanya, perbincangan di atas menunjukkan bahawa sistem pendidikan mempunyai batasan-batasannya. Berkesan atau tidak akan bergantung kepada beberapa faktor penting terutamanya bentuk dan sifat-sifat masyarakat, serta pihak-pihak yang terlibat dalam proses pendidikan seperti pihak yang menentukan dan melaksanakan dasar, guru-guru, ibubapa, murid-murid dan sebagainya. Misalnya setakat mana mobiliti sosial dapat dicapai melalui pendidikan bergantung juga kepada struktur peluang yang wujud dalam masyarakat, dasar sosio-ekonomi, usaha perseorangan, dan lain-lain. Setakat mana sekolah berjaya mengwujudkan perpaduan sosial di kalangan murid sebahagiannya bergantung kepada keadaan sosio-ekonomi *di luar* sekolah — sama ada keadaan itu menggalakkan semangat toleransi dan perasaan muhibbah atau tidak. Ini ialah kerana pada amnya murid-murid kita sebenarnya menghabiskan masa lebih kurang enam jam sehari bagi dua ratus hari setahun di sekolah. Untuk masa yang selebihnya, mereka berada di luar sekolah, berin-

teraksi dengan orang-orang lain serta institusi-institusi sosial yang lain seperti keluarga, ugama, sebaran am dan sebagainya.

Tambahan pula, kita dapat bahawa kesan negatif sekolah serta percanggahan di antara fungsi-fungsi sekolah semata-mata diakibatkan oleh percanggahan dan masalah yang wujud dalam sesuatu masyarakat. Sekolah atau sistem pendidikan wujud dalam satu konteks masyarakat dan bukan wujud terpencil. Sebab itu kita tidak boleh mengharapkan bahawa sekolah boleh melakukan segala sesuatu do anything and everything dan mencapai segala objektif yang ditugaskan kepada-nya. Objektif-objektif pendidikan selalunya digubal mengikut cita-cita unggul yang tertentu, manakala realiti masyarakat penuh dengan ketidaksempurnaan.

Kesimpulan seperti ini tidak bermaksud bahawa kita harus meninggalkan objektif-objektif ini. Tidak juga patut sekiranya kita menafikan peranan positif yang dapat dimainkan oleh sistem pendidikan. Objektif-objektif yang ideal harus wujud sebagai bintang panduan yang ke arahnya kita menuju. Sungguhpun fungsi-fungsi sekolah dipengaruhi dan dihadkan oleh masyarakat, sama ada fungsi-fungsi ini mendatangkan kesan yang positif atau sebaliknya bergantung juga kepada guru-guru. Sekurang-kurangnya guru-guru memberi pengetahuan serta kesedaran yang akan membolehkan generasi baru membentuk dunia yang lebih sempurna. Sejarah perkembangan manusia pada keseluruhannya ialah satu bukti bahawa manusia mempunyai potensi untuk memperbaiki keadaan mereka. Potensi ini harus diperkembangkan.

Nota

¹ Olive Banks dalam bab pertama bukunya yang bertajuk *The Sociology of Education* (London: Bataford, 1976) telah memberi satuuraian yang ringkas tetapi menarik mengenai "functionalism" dan kritikan-kritikan terhadap pendekatan ini.

² Beberapa orang penyelidik telah mengkaji fungsi-fungsi sosial sekolah. Misalnya, D.F. Swift dalam bukunya *The Sociology of Education* (London: Routledge & Kegan Paul, 1973) memperuntukkan satu bab yang penting untuk membincangkan fungsi-fungsi sosial pendidikan, dengan rujukan khas kepada keadaan di Britain, akan tetapi perbincangan yang conventional ini tidak menganalisa secara mendalam percanggahan di antara fungsi-fungsi sekolah seperti yang diusahakan dalam artikel ini.

³ Konsep pemasarakatan telah menjadi satu tema utama dalam penganalisaan proses pembelajaran dalam keluarga dan di sekolah oleh ahli-ahli sains kemasyarakatan. Lihat, misalnya, M.D. Shipman, *Childhood – A Sociological Perspective* (London: NFER, 1972).

⁴ Keperluan bidang-bidang ini untuk perkembangan kanak-kanak yang menyeluruh kian disedari oleh pendidik-pendidik di dalam dan di luar negeri. Rujuk, misalnya, kepada Koh Tsu Koon, "Pengguna, Masalah dan Pendidikan" dalam *Dewan Masyarakat* Jld. XV Bil. 11 (November, 1977), G.H. Mukherjee, "Schooling and Moral Education" kertas kerja yang disampaikan di Konvensyen Nasional Pertama mengenai Pendidikan (Anjuran Persatuan Pelajaran Malaysia, Julai 1978, Kuala Lumpur) serta artikel Mukherjee dalam jilid jurnal ini yang bertajuk "Moral Education and the Teacher Training Programme".

⁵ Beberapa penyelidik telah mengemukakan bukti-bukt yang konkret untuk menunjukkan masalah-masalah sosio-ekonomi yang mungkin timbul akibat dari salahguna sains dan teknologi. Untuk mendapat satu gambaran yang menyeluruh, rujuk kepada Barbara Ward & Rene Dubbs, *Only One Earth – the Care and Maintenance of a Small Planet* (Harmondsworth, England: Penguin 1974).

⁶ Beberapa kajian telah meneliti masalah-masalah yang timbul dari perlaksanaan pendekatan sains moden seperti Nuffield Science di Britain. Rujuk juga kepada artikel-artikel dalam majalah *School Science Review*. Di Malaysia, beberapa pagaduan telah dikemukakan dalam surat khabar. Tinjauan secara sistematis sedang dilanjutkan oleh beberapa orang penyelidik di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

⁷ Selain daripada masalah yang dibincangkan di sini, kaedah mengajar moden memberi beberapa peranan baru kepada guru yang menjadikan tugasnya lebih berat kalau dibandingkan dengan peranan guru yang tradisional. Misalnya guru haruslah menyediakan bahan-bahan dan garispanduan yang sesuai untuk murid-murid supaya mereka dapat menjalankan eksperimen atau tinjauan. Tambahan pula, mengajar murid-murid mempelajari secara tinjauan jauh lebih susah daripada mengajar untuk pembelajaran secara hafalan atau turutan. Peranan yang baru ini mungkin mengancam guru yang sudah senang-lenang dengan kaedah mengajar "conventional".

⁸ Beberapa buku telah menganalisa dengan teliti dasar "memecah dan memerintah" ini. Rujuk, misalnya, kepada Philip Loh, *Seeds of Separatism – British Politics and Educational Policy in the Federated Malay States 1874-1940* (K. Lumpur: Oxford University Press, 1975) serta Ibrahim Saad, *Pendidikan dan Politik di Malaysia* (K.L.: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1977).

⁹ Satu kajian yang menunjukkan pengaruh struktur sosial dan kawalan sosial ke atas perlaksanaan kurikulum serta proses pengajaran-pembelajaran dalam bilikdarjah ialah buku Rachel Sharp dan Anthony Green

yang bertajuk *Education and Social Control – A Study in Progressive Primary Education* (London: Routledge & Kegan Paul, 1975).

¹⁰ Rujuk, misalnya, kepada *Kajian Keciciran* (Kementerian Pelajaran Malaysia: 1973) dengan bukti-bukti statistik yang menunjukkan dengan jelasnya bagaimana pencapaian akademik murid-murid sangat dipengaruhi oleh latarbelakang rumah tangga mereka.

¹¹ Misalnya, Laporan Barnes (1957) lebih mementingkan perpaduan sosial melalui satu sistem persekolahan yang sama, manakala Laporan Fenn-Wu (1957) menegaskan pemilihan kebudayaan yang berlainan dengan mengekalkan sistem persekolahan berbilang aliran bahasa. Laporan Razak (1956) merupakan satu usaha yang utama untuk menyelaraskan kedua-dua fungsi ini dan menjadi landasan untuk Dasar Pelajaran Kebangsaan Malaysia nanti.